



## “PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT TUNTUTAN ISLAM”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي عَلِمَ بِالْقَلْمَرِ. عَلِمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
الَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Di kesempatan berada pada hari Jumaat yang mulia ini, saya berpesan kepada diri saya dan kepada sidang Jumaat sekalian marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan bersungguh-



sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita memperolehi keberkatan dan keredhaan serta perlindungan Allah SWT di dunia dan di akhirat. Pada hari ini saya akan menyampaikan khutbah bertajuk: "**PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT; TUNTUTAN ISLAM**".

### Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Dalam kehidupan di dunia ini kita amat dituntut mempelajari pelbagai ilmu bertujuan untuk memakmurkan dunia ini. Kita juga dituntut mengikhlaskan niat menuntut ilmu hanya kerana Allah SWT. Allah SWT meletakkan kekuatan akal fikiran dan ilmu pengetahuan sebagai keutamaan yang mampu mengatasi kekuatan-kekuatan lain yang ada pada manusia. Kesinambungan budaya menuntut ilmu berterusan bermula sejak Nabi Adam a.s hingga sampai kepada rasul terakhir iaitu Nabi Muhammad s.a.w. Peristiwa yang bersejarah ketika penurunan wahyu yang pertama di Gua Hira' juga adalah berkaitan dengan keilmuan.

Firman Allah SWT dalam surah al-'Alaq ayat 1-5:

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ خَلْقَ الْإِنْسَنَ مِنْ عَلَقٍ  
أَقْرَأْ وَرَبِّكَ الْأَكْرَمِ الَّذِي عَلِمَ بِالْقَلْمَنْ عَلَمَ  
الْإِنْسَنَ مَا لَمْ يَعْلَمُ

"Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekelian makhluk). Dia menciptakan manusia dari segumpal



*darah beku. Bacalah dan Tuhanmu yang maha pemurah, yang mengajar (manusia) melalui pena dan tulisan. Dia mengajarkan kepada manusia apa yang tidak diketahuinya”.*

Ayat tersebut menjelaskan bahawa Islam menyeru umatnya supaya menjadi orang yang berilmu dan mementingkan keilmuan. Sejarah telah membuktikan bahawa keunggulan sesuatu bangsa adalah bergantung kepada ketinggian ilmu masyarakatnya. Umat yang mementingkan ilmu pasti akan bangkit sebagai umat yang terulung dan bertamadun di mata dunia. Benarlah segala seruan Allah SWT dan Rasul-Nya bahawa ilmu sangat penting dalam kehidupan.

Oleh yang demikian, proses menuntut ilmu adalah satu usaha yang berterusan sepanjang hayat seseorang insan. Hukama' ada mengatakan bahawa:

أَطْلُبُوا الْعِلْمَ مِنَ الْمَهْدِ إِلَى الْلَّهِ.

*"Tuntutlah ilmu sejak dari buaian lagi hingga ke liang lahad".*

Justeru, intisari kata-kata tadi menjelaskan kepada kita bahawa Islam amat menggalakkan setiap manusia supaya menuntut ilmu pengetahuan. Selain daripada itu, apa yang dapat dicerap juga ialah batas usia mahupunkekangan-kekangan yang ada, baik yang berupa halangan kebendaan, kewangan mahupun fizikal tidak seharusnya dijadikan sebagai suatu halangan kepada kita untuk menuntut ilmu kerana dalam agama Islam ia merupakan satu proses yang berterusan dan berpanjangan. Arahan ini diperkuuhkan lagi bersandarkan sebuah hadis daripada Anas Ibnu Malik r.a bahawa nabi s.a.w bersabda:



# طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيْضَةٌ عَلَى كُلّ مُسْلِمٍ.

"Menuntut ilmu itu adalah wajib ke atas tiap-tiap orang Islam".

(Riwayat Ibnu Majah dan Abu Ya'ala)

## Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Islam amat memuliakan ilmu pengetahuan dan menganjurkan umatnya supaya menjadi orang yang berilmu pengetahuan. Dalam hal ini, menuntut ilmu itu wajib bagi setiap orang Islam sama ada tua ataupun muda. Mempelajari ilmu pengetahuan sepanjang hayat amat digalakkan untuk mengangkat ketinggian peradaban umat pada masa akan datang. Lantaran itu, proses pembelajaran yang dimaksudkan bukan sahaja menuntut ilmu di sekolah dan di universiti malah boleh juga belajar melalui pembacaan, ceramah, bengkel dan apa sahaja cara yang dapat membantu meningkatkan ilmu pengetahuan. Usia yang dianugerahkan oleh Allah akan terisi dengan ilmu yang bermanfaat kepada diri dan masyarakat. Allah SWT telah menjelaskan kedudukan orang yang berilmu dalam surah al-Mujadilah ayat 11:

... يَرَفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ إِيمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أَوْتُوا الْعِلْمَ ...  
ج  
دَرَجَاتٍ ...

"...Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) beberapa darjat...".



Menurut Sayyid Qutb Rahimahullah dalam Tafsirnya Fi Zilal al-Quran menukilkan bahawa:

*"Ilmu Allah itu tidak terbatas luasnya dan tidak mampu dijangkau semuanya oleh manusia. Oleh itu, hendaklah kita tidak bersikap sompong dengan sentiasa berusaha ingin mendalaminya. Apa saja yang boleh membawa kebaikan dan kesejahteraan perlu dipelajari sama ada secara formal atau tidak kerana ia adalah tuntutan Islam".*

Imam Al-Ghazali Rahimahullah menegaskan bahawa:

*"Ilmu itu kehidupan hati daripada kebutaan, sinar penglihatan daripada kezaliman dan tenaga badan daripada kelemahan. Dengan ilmu, hamba Allah itu sampai ke tempat orang baik-baik dan darjat yang tinggi yang membezakan antara manusia dan haiwan".*

Oleh yang demikian, setiap individu haruslah berusaha melakukan proses pembelajaran sepanjang hayat bagi mewujudkan masyarakat yang berilmu pengetahuan, berkemahiran tinggi dan berdaya saing. Pembangunan insan dan juga pembangunan modal insan hanya dapat dilakukan melalui ilmu pengetahuan yang luas dan kemahiran yang tinggi.

Bersempena Sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan 2013 yang disambut pada bulan Oktober ini bertemakan "*Pembelajaran Sepanjang Hayat*" marilah sama-sama kita berusaha untuk mencapai kualiti hidup yang sejahtera dan bertamadun. Hendaklah setiap daripada kita mestilah berilmu dan terus menimba ilmu pengetahuan. Pembelajaran sepanjang hayat adalah jawapan yang paling tepat yang seharusnya dilakukan oleh generasi sekarang. Antara langkah-langkah yang perlu dilakukan adalah:



1. Menghadirkan diri ke kuliah-kuliah yang diadakan di mana-mana sama ada di masjid-masjid, surau-surau, dewan seminar, program-program wacana, forum dan sebagainya.
2. Hendaklah menggunakan kesihatan yang ada, usia yang lanjut untuk menambah dan mencari ilmu terutama untuk memperbaiki amal ibadah kita.
3. Kita semua hendaklah memastikan ahli keluarga kita dapat mewarisi dan mengamalkan ilmu-ilmu yang bermanfaat khususnya ilmu-ilmu fardhu ain.
4. Hendaklah memastikan dan menggunakan usia yang lanjut dengan amalan-amalan yang terbaik untuk mencapai matlamat Husnul Khatimah.

Akhir sekali, mimbar menyeru dan mengingatkan bahawa adalah amat malang sekali apabila sebilangan para jemaah yang selesai melaksanakan solat fardhu maghrib dan terus meninggalkan majlis-majlis pengajian ilmu yang diadakan oleh pihak masjid ataupun surau. Luangkanlah sedikit masa walaupun untuk seketika.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
قَلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ...  
قَلْ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ



"Katakanlah (wahai Muhammad) Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna".

(Az-Zumar : 9)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاَكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِيْ وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ  
يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَائِهَا الْذِينَ إِذَا مَنُوا صَلَوَا عَلَيْهِ  
وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ  
وَأَزْوَاجِهِ وَذْرِيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ



لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ  
مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَا  
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَةَ أَنْ تَحْفَظَ  
بَعَيْنِ عِنَائِتِكَ الرَّبَانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،  
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاغُورِ، سُلْطَانَ  
شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ  
سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.  
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَىَّةَ وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ  
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ



الْحَاجُ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا  
ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ。اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ  
لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا  
لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ。

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuatkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu dan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau wajibkan. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka, lindungilah



golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Demikian jua Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نَعْمَمِهِ يَزْدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.